

# BANTUAN PENDIDIKAN KEPADA MASYARAKAT MINORITI ISLAM ASEAN PASCA PANDEMIK COVID-19

Ucaputama yang disampaikan oleh M. Kamal Hassan secara atas talian, sempena Webinar Pembangunan Masyarakat Serantau; Strategi Pembangunan Pendidikan Pasca Covid-19, anjuran ASMAK dgn Kerjasama UKM dan Yayasan Pelajaran MARA, pada 6 Julai 2021, jam 8.30 pagi-12.30 th.

Ucapan Aluan 1 oleh Ybhg. Dr. Mohd Zain Musa, Presiden, ASMAK, ucapan Aluan 11 oleh YBhg Dato' Dr. Mohd Nizar Hj. Sudin, Pengarah Eksekutif, Yayasan Pelajaran MARA dan Ybhg Dr Muhammad Yamin b Ismail, Pengarah Kanan BDKI, JAKIM, ahli panel yng mewakili mesyarakat Islam minority Filipina, Thailand, Singapura, ...

UCAPAN MKH: الحمد لله رب العالمين

1. Webinar Pembangunan Masyarakat Serantau; Strategi Pembangunan Pendidikan Pasca Covid-19, anjuran ASMAK dgn Kerjasama UKM dan Yayasan Pelajaran MARA, ialah satu inisiatif yang sangat2 dialukan, dihargai dan dipuji kerana masyarakat minoriti beragama Islam di rantau ASEAN dari Myanmar ke Mindanao dan Papua amat memerlukan bantuan, pertolongan dan perlindungan, akibat daripada malapetaka dan musibah yang dahsyat dalam bidang kesihatan, ekonomi, kemasyarakatan dan psikologi ekoran daripada bermaharajalelanya pandemik COVID19.

Inisiatif ini membuktikan bahawa semangat persaudaraan Islam yang merentasi sempadan geografis, budaya, bahasa, ethnik dan negara masih hidup dikalangan umat Islam di Malaysia dan di negara2 majoriti Islam rantau ini, iaitu Indonesia, Brunei dan Malaysia. Kita sentiasa diingatkan oleh mimbar khutbah Jum`at tentang hadith Rasulullah SAW:

عَنْ النَّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى

(Hadith muttafaq alaih)

Rasulullah SAW bersabda: Perumpamaan orang-orang Mukmin dari segi kasih mengasihani, sayang menyangi antara

satu sama lain dan santun menyantuni adalah ibarat satu jasad; Jika salah satu anggota badan sakit, maka seluruh badan akan turut merasa sakit dengan berjaga malam dan demam.” (*muttafaq alaih*)

عَنِ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَجُلًا جَاءَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ أَحَبُّ إِلَيَّ وَالْأَعْمَالِ أَحَبُّ إِلَيَّ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
أَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ , وَأَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى  
سُرُورٌ تُدْخِلُهُ عَلَى مُسْلِمٍ , أَوْ تَكْشِفُ عَنْهُ كُرْبَةً , أَوْ تَقْضِي عَنْهُ دَيْنًا , أَوْ  
تَطْرُدُ عَنْهُ جُوعًا , وَلَئِنْ أَمْشَيْتَ مَعَ أَخٍ فِي حَاجَةٍ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ  
أَعْتَكِفَ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ يَغْنِي مَسْجِدَ الْمَدِينَةِ شَهْرًا

Daripada Ibnu 'Umar, bahawasannya ada seorang laki-laki yang mendatangi Rasulullah SAW. Ia berkata : “Wahai Rasulullah, manusia apa yang paling dicintai oleh Allah?. Dan amal apa yang paling dicintai oleh Allah ?”. Nabi SAW menjawab: Manusia yang paling dicintai oleh Allah adalah yang paling memberikan manfaat bagi manusia lain. Adapun amalan yang paling dicintai oleh Allah adalah membuat muslim yang lain bahagia, mengangkat kesusahan dari orang lain, membayarkan hutangnya atau menghilangkan rasa laparnya. Sungguh aku berjalan bersama saudaraku yang muslim untuk suatu keperluan lebih aku cintai daripada beri'tikaf di masjid ini (masjid Nabawi) selama sebulan penuh.” (HR. Thabrani di dalam Al Mu'jam Al Kabir no. 13280, 12: 453. (Status: Hadis Hasan dalam Shahih Al Jaami' no. 176)

2. Berkenaan dengan idea pasca-pandemik, masalahnya ialah bilakah agaknya pandemik ini akan tamat, tidak siapa yang tahu....jadi pada hemat saya lebih baik kita tidak tunggu pandemik reda dan tamat. Perancangan boleh dibuat untuk masa kini dengan menggunakan keadaan skrg, hanya guna mode atas talian dengan Zoom, Google Meet, dll apps yang ada. Kajian tentang keperluan2 atau *needs assessment* kelompok sasaran di negeri masing-masing perlu segera dilakukan oleh pemimpin masyarakat minoriti Islam setempat, kerana maklumat-maklumat terprinci akan mempermudah usaha2 persiapan yang perlu dilakukan di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura.

3. Bercakap tentang Pendidikan, elok rasanya kita mengambil iktibar daripada lima tiang Pendidikan pembangunan lestari yang dikemukakan oleh UNESCO tahun 2012: 1. Belajar untuk Mengetahui, 2. Belajar untuk Berbuat/Beramal (dengan kemahiran<sup>2</sup> untuk pekerjaan yang berguna), 3. Belajar untuk Hidup Bersama (dengan kemahiran sosial), 4. Belajar untuk “Menjadi Orang” (istilah Za’ba) dengan pembangunan hati/kalbu, jiwa dan akal yang sehat, 5. Belajar untuk Merubah dan Transformasi Diri dan Masyarakat (dengan gabungan ilmu, hikmah, nilai, ketrampilan dan set-mind yang positif dan transformatif.)

Diantara matalamat pendidikan yang akan diekspotkan ke masyarakat minoriti Islam ialah supaya para pelajar, pemuda dan orang dewasa di sana akan menjadi insan-insan yang mendapat pemberdayaan *empowered* atau mendapat ilmu dan ketrampilan yang memberdayakan mereka menjadi pemikir, pembuat, pencipta dan penyelesaian masalah yang memotivasi diri sendiri (*self-motivated*) untuk berkerjasama dengan orang lain dalam rangka membebaskan kampung mereka, keluarga mereka atau masyarakat Muslim itu daripada kesan<sup>2</sup> negatif daripada pandemic COVID-19, yang akan menyebabkan umat Islam di sana menjadi kelompok minoriti yang ketinggalan, dan dipandang rendah atau dihina atau dibenci (saperti di Myanmar) atau dianggap sebagai beban kepada golongan majoriti.

UNESCO’S Education for Sustainable Development Initiative (2012) presented a conceptual framework for ongoing, lifelong learning . This model organizes learning into the following five pillars:

1. Learning to Know – the development of skills and knowledge needed to function in this world e.g. formal acquisition of literacy, numeracy, critical thinking and general knowledge.
2. Learning to DO – the acquisition of applied skills linked to professional success.
3. Learning to Live Together – the development of social skills and values such as respect and concern for others, and the appreciation of cultural diversity.
4. Learning to BE – the learning that contributes to a person’s mind, body, and spirit. Skills include creativity and personal discovery,

acquired through reading, the Internet, and activities such as sports and arts.

5. Learning to Transform Oneself and Society – when individuals and groups gain knowledge, develop skills, and acquire new values as a result of learning, they are equipped with tools and mindsets for creating lasting change in organizations, communities, and societies

Perlu ditegaskan supaya pendidikan emosi dan rohani perlu mendapat perhatian khusus. Kajian ahli ilmu jiwa moden Goleman telah membuktikan bahawa Emotional Quotient atau Intelligence lebih penting dan lebih ampuh untuk mencipta kejayaan kepada diri daripada IQ (Intellectual quotient). Aspek psycho-spiritual therapy kepada masalah meningkatnya fenomena kemurungan, stress, depression, anxiety, putus asa yang telah membawa kepada gejala pembunuhan diri amat menakutkan dan merisaukan. Maka aspek ini perlu di jadikan bahagian penting daripada pakage pendidikan yang diberikan kepada kelompok2 yang paling terjejas oleh musibah COVID-19.

4.Aspek2 pendidikan ketrampilan yang membolehkan pemuda yang menjadi *survivor* yang *resilient* yang digabungkan dengan aspek pendidikan iman, kerohanian dan akhlaq untuk mengukuhkan iman serta semangat positif dalam menghadapi mala petaka atau musibah. Dalam aspek pendidikan psychotherapy, banyak sekali sumber dan ajaran tentang ilmu jiwa dan cara2 menyembuh penyakit2 jiwa yang terdapat di dalam al-Qur'an dan Hadith serta ilmu Tasawwuf yang boleh dijadikan bahan rujukan untuk pendidikan emosi, rohani dan akal yang sehat.

5.Satu lagi aspek emosi dan pembangunan syahsiah yang tidak harus terlepas pandang, iaitu aspek motivasi dan kaunseling. Pakar2 motivasi di Malaysia dan Indonesia, saya percaya, boleh memberi bantuan dan penyediaan video2 yang boleh memberi impak yang mendalam. Umpamanya ada video2 tentang insan2 OKU yang mampu melakukan sesuatu yang luar biasa seperti cerita Nick Vujicic (lahir 1982), seorang American-Australian yang tidak berkaki dan bertangan(lihat youtube: NO LIMBS, NO LIMITS NO EXCUSE oleh Nick Vujicic), dan cerita seorang Melayu bernama Bang Dzoel yang juga tak ada tangan dan kaki seperti Nick Vujicic tapi boleh buat kereta istimewa dan bawa kereta sendiri cerita Bang Dzoel (lihat youtube: Semangat Bang Dzoel, Fotografer Tanpa Tangan dan Kaki) yang tiada tangan dan kaki tapi menjadi jurugambar

yang terkenal, dan boleh bawa kereta sendiri hasil rekaannya. Di Malaysia Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya ada menyediakan beberapa kemudahan dan keistimewaan untuk OKU. Mungkin JPOKU boleh dilibatkan dalam projek pendidikan yang diprakarsai oleh ASMAK dan kolaborator2nya.

6. Diantara sumber daya manusia yang diperlukan di negara pembantu ialah penterjemah2 untuk bahasa2 tempatan, yang bersedia untuk melakukan penterjemahan kepada ucapan, tazkirah dan sharahan. Keperluan kepada tenaga penterjemah ini tetap wujud samaada bantuan Pendidikan itu dilaksanakan secara *in situ* (buat di tempat masyarakat minority) atau secara kaedah jarak jauh (*distance learning*) dan secara *online* (atas talian), dengan syarat kampung2 terpencil di Minadanao, Kampuchea, Myanmar, Papua, Patani, Vietnam mempunyai jaringan digital, dan mereka mampu membeli lap-top...

7. Saya percaya Webinar ini akan dapat menghasilkan idea2 dan langkah2 praktikal dan logistik untuk menjayakan wawasan BERUMMAH SEBAGAI SATU JASAD dan BUNYAAN MARSUUS yang sedang diterokai oleh ASMAK, UKM, MARA dan lain2 badan di Indonesia, Brunei dan Singapura. Diakhir ucapan saya ini, saya nak beritahu tentang sebuah badan NGO yang di wujudkan dan dipimpin oleh al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra yang bernama RISEAP (*Regional Islamic Da`wah for Southeast Asia and Pacific*). Badan ini yang telah banyak berjasa dalam pembangunan dakwah Islamiah dan pembangunan Islam dalam masyarakat minority di rantau ASEAN dan Pasifik Selatan sekarang sudah tenggelam dalam lautan Asia-Pacific. Saya rasa kalau pehak Pertubuhan PERKIM, Kerajaan Malaysia dengan Kerjasama Kerajaan Indonesia dan Brunei Darussalam dapat menghidupkan semula RISEAP yang tenggelam ini untuk menjadi penggerak yang utama dan dinamik dalam pembangunan masyarakat minoriti Islam di rantau Asia-Pasifik. Mungkin juga YBhg Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Zulkifli al-Bakri dapat membawa idea ini dalam pertubuhan MABIM yang saya percaya masih hidup walau pun kegiatannya mungkin terkandas dengan kedatangan badai Pandemik COVID-19. Syabaas saya ucapakan kepada pehak penganjur program bantuan insaaniyyatan, uhkuuwwatan dan ummatan Yang cemerlang ini, semoga segala yang dirancang akan mendapat bantuan, barakah, inayah dan ridwaanaAllah

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

